

Malaysia tidak ubah unjuran pertumbuhan

MW - 24/9/2007

Malaysia akan memantau perkembangan pertumbuhan ekonomi dunia sama ada ia *sustainable* (mapan) atau tidak sebelum membuat perubahan terhadap unjuran pertumbuhan ekonomi negara

— Abdullah Ahmad Badawi

SEPANG 23 Sept. — Malaysia tidak akan mengubah unjuran pertumbuhan ekonomi negara pada tahun ini walaupun unjuran pertumbuhan ekonomi dunia kini dijangka bertambah baik sedikit berikutan kejatuhan harga minyak dunia, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Perdana Menteri berkata Malaysia akan memantau perkembangan pertumbuhan ekonomi dunia sama ada ia *sustainable* (mapan) atau tidak sebelum membuat perubahan terhadap unjuran pertumbuhan ekonomi negara.

“Kita tidak akan buat apa-apa perubahan statistik berkaitan ekonomi negara dalam tahun ini (setakat ini),” katanya kepada pemberita sekembalinya ke tanah air di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini.

Lawatan

Perdana Menteri pulang selepas kira-kira dua minggu berada di luar negara bagi menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah di Helsinki, Mesyuarat Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) di Havana, Persidangan Bangsa Bersatu di New York dan lawatan kerja dua hari ke United Kingdom.

Unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun ini adalah 5.8 peratus dan tahun depan enam peratus.

Beliau berkata ketika Malaysia membuat persediaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan Bajet 2007, unjuran ekonomi

dunia ketika itu adalah 4.9 peratus tetapi kini pertumbuhan ekonomi dunia dijangka meningkat kepada 5.1 peratus atau lebih.

Abdullah berkata situasi ekonomi global akan bertambah baik ekoran penurunan harga minyak yang mencatatkan AS\$60 atau AS\$61 setong sekarang dan ada kemungkinan harga minyak itu akan turun lagi.

Ekoran itu, ia akan memberi kesan pada sektor pengangkutan, harga barangan dan ekonomi negara seterusnya, katanya.

Mengenai pertemuannya dengan kapten-kapten industri di London, Abdullah berkata mereka akan menggunakan pendekatan membantu merangsang pembangunan ekonomi Malaysia kerana mereka juga mempunyai kepentingan perniagaan di negara ini.

“Malaysia telah berjaya mengurangkan defisit, mengembangkan ekonominya, inflasi dalam peringkat terkawal dan peningkatan perdagangan luar negara — fakta-fakta ini jadi asas analisis para pelabur terhadap negara,” katanya.

Mengenai kesan peristiwa rampasan kuasa di Thailand Selasa lepas, Abdullah berkata ia tidak memberi kesan sangat kepada Malaysia setakat ini.

Bagaimanapun, Malaysia sentiasa berwaspada dan memantau perkembangan situasi itu sepanjang masa, katanya.

Perdana Menteri menambah kata tiada pelarian Thailand yang menyeberangi sempadan negara ini setakat ini dan kawasan sempadan negara tidak terancam.

— Bernama